

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

NOTIS PRA-KELAYAKAN KONTRAKTOR

1. Majlis Bandaraya Subang Jaya berhasrat mempelawa tender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui pra-kelayakan untuk:-

PRA-KELAYAKAN UNTUK CADANGAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN TEMBOK LONGKANG UTAMA DI JALAN LP 1A/2, LESTARI PERDANA, TAMAN EQUINE, SELANGOR DARUL EHSAN.

2. **KETERANGAN AM KERJA**

Lokasi tapak bina di **Jalan LP 1A/2, Lestari Perdana, Taman Equine.**

Skop kerja bagi projek ini adalah seperti kerja-kerja berikut:-

- a) Kerja Awalan Dan Permulaan
- b) Site Clearing – **Kuantiti 150 m3**
- c) Kerja Sementara Kawalan Hakisan Menggunakan Kanvas Tarpaulin – **Kuantiti 1000 m2**
- d) Membekal Dan Memasang *Brassing Beam* Dari H-Beam Saiz 400mm X 400mm – **Kuantiti 10 Tan**
- e) Longkang L-Shape Pra-Tuang Saiz 3650mm X 3770mm – **Kuantiti 70 m**
- f) Membekal Permanent Interlocking Steel Sheet Pile U- Type Saiz 400mm X 13.1mm X 12,000mm – **Kuantiti 1440 m2**
- g) Menanam Interlocking Steel Sheet Pile Menggunakan Silent Piler – **Kuantiti 3600 m**
- h) Kerja Kemasan Akhir

kerja dijangka akan dimulakan dalam bulan **MEI 2021** dan tempoh penyediaan adalah **20 MINGGU**.

3. SYARAT-SYARAT UNTUK PRA-KELAYAKAN

Permohonan pra-kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor- kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut:

BAHAGIA A: PENDAFTARAN KONTRAKTOR

- 1.0 Jenis pendaftaran : Merujuk kepada kaedah pelaksanaan perolehan / projek kerajaan tahun 2021 (PK 2.2) perkara 4. Kaedah perolehan kerja (jadual 1.d)
- i) Kontraktor tempatan;
 - ii) Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G4;
- 2.0 Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut:-
- i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).
 - Gred : G4
 - Kategori : CE
 - Pengkhususan : CE10 & CE21
 - ii) Syarikat tempatan yang 100 % milik warganegara tempatan.
 - iii) Pendaftaran dengan UPEN.
- 3.0 Kontraktor hendaklah mempunyai sijil-sijil pendaftaran di atas yang masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan daripada tarikh tutup Pra-Kelayakan.
- 4.0 Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh **CIDB TIDAK LAYAK** untuk menyertai Pra-Kelayakan ini.
- 5.0 Kontraktor tidak dibenarkan memohon kebenaran khas daripada CIDB untuk pengkhususan bidang yang telah ditetapkan.
- 6.0 Kontraktor yang mengemukakan **sijil SCORE CIDB** dengan minimum 3 Bintang layak diberi keutamaan.

BAHAGIAN B: KEUPAYAAN KONTRAKTOR

1.0 Keupayaan kewangan:

- i) Nett Worth : **Melebihi RM242,249.07**
(20% daripada NTBK) atau;
- ii) Modal Pusingan : **Melebihi RM121,124.54**
(10% daripada NTBK) atau;
- iii) Modal Mudah Cair : **Melebihi RM36, 337.36**
(3% daripada Anggaran Jabatan)

- NTBK- Nilai Tahunan Bebanan Kerja (Nilai Tahunan projek yang dicadangkan + Nilai kerja projek semasa yang belum disiapkan)

2.0 Keupayaan Teknikal:

2.1 Kriteria Wajib

- i) Purata nilai keseluruhan kerja dan nilai kerja terbesar bagi projek-projek pembinaan yang serupa (Projek pembaikan struktur cerun dan pembaikan dan menaiktaraf longkang) yang telah dilaksanakan dengan jayanya tidak kurang dari **RM242,249.07 (20% daripada Nilai Tahunan Bebanan Kerja)** dalam tempoh lima (5) tahun kebelakang.
- ii) Tidak mempunyai **kerja semasa yang berprestasi sakit** dan mempunyai prestasi yang memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun terkini.

2.2 Kriteria Keutamaan

- i) Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja menstabilkan cerun dan pembaikan longkang dalam tempoh lima (5) tahun lepas serta berpengalaman sebagai Kontraktor Utama dalam melaksanakan dan menyiapkan projek Kerajaan yang serupa adalah diberi keutamaan.
3. Dokumen Pra-kelayakan boleh diperolehi di laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0 di <https://tender.selangor.my>. Petender terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara atas talian di laman sesawang <https://tender.selangor.my> dan Unit Perancang Ekonomi (UPEN) sebelum membeli Dokumen Pra-kelayakan.

Pembelian Dokumen Pra-Kelayakan secara atas talian diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup Pra-Kelayakan. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Pra-Kelayakan ditolak.

Petender hendaklah mengembalikan dokumen Pra-kelayakan bersama-sama dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan pada Tarikh Tutup Tender di dalam bentuk cetakan (*Printed hard-copy*)

4. Harga dokumen ialah **RM50.00** (Ringgit Malaysia: **LIMA PULUH SAHAJA**) senaskah. Yuran dokumentasi ini tidak akan dikembalikan.
5. Permohonan hendaklah dikemukakan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat

**Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan,
Aras 3, Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan.**

Dan hendaklah sampai sebelum atau tidak lewat pada sebelum jam **12.00 tengahari pada pada tarikh dan masa tawaran ditutup**. Mana-mana dokumen tawaran yang diserahkan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan, atas sebarang sebab dan alasan tidak akan dipertimbangkan. Tanpa sebarang obligasi, Kerajaan tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana dokumen tawaran yang telah dihantar tetapi didapati hilang atau lewat diterima. Bukti pos tidak akan diterima sebagai bukti penghantaran mana-mana dokumen tawaran.